

PM: JANGAN CERBOH...



● DATUK SERI DR.
MAHATHIR

'Langkah Vietnam di Kampuchea amat bahaya'

KUALA LUMPUR, Isnin — Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menegaskan bahawa Vietnam tidak berhak masuk ke Kampuchea untuk menubuhkan kerajaan anjurannya, atas alasan mempertahankan diri.

Datuk Seri Dr. Mahathir memberitahu Menteri Luar Vietnam, Enck Nguyen Co Thach, keadaan tersebut adalah perkara merbahaya yang membuka jalan kepada kekuasaan besar campur tangan dan mengancam negara-negara kecil.

Perdana Menteri membangkitkan masalah Kampuchea dalam perbincangan 50 minit dengan Enck Co Thach di Ba-

ngunan Parlimen, hari ini.

Perbincangan itu berjalan mesra tetapi serius, kata Ketua Setiausaha Kementerian Luar, Tan Sri Zakaria Ali.

Datuk Seri Dr. Mahathir menegaskan bahawa Vietnam hendaklah keluar dari kawasan Kampuchea untuk membolehkan satu penyelesaian politik dicapai.

Mengancam

Malaysia dan Vietnam tidak sependapat mengenai pendekatan ke arah satu penyelesaian politik di Kampuchea, kata Tan Sri Zakaria.

Meskipun begitu, Vietnam menyetujui konsep zon aman, bebas dan berkecuali (ZOFFAN) yang diumumkan oleh Asean.

Tidak ada perbezaan pendapat antara kedua negara mengenai tujuan utama mencapai keamanan

dan kestabilan di rantau ini, meskipun pendekatan ke arah penyelesaian politik di Kampuchea masih buntu.

Enck Co Thach menjelaskan, pengkalan tentera Vietnam di Kampuchea sebagai amalan hak mempertahankan diri dan keselamatan memandangkan Kampuchea pernah digunakan untuk mengancam sependaan Vietnam.

Enck Co Thach juga menyebut ancaman dari China sebagai alasan.

"Meskipun masalah itu timbul, jalan penyelesaian bukanlah memasukkan tentera Vietnam ke Kampuchea dan menubuhkan kerajaan pilihan sendiri", kata Datuk Seri Dr. Mahathir.

Fuda keseluruhannya, Tan Sri Zakaria berkata, matlamat kedua negara adalah sama untuk mencapai keamanan dan kestabilan di rantau ini.

Perdana Menteri dan Menteri Luar negara itu tidak membincangkan kerajaan campuran di Kampuchea.

Tan Sri Zakaria seterusnya berkata, Perdana Menteri mengalu-alukan jawatan Enck Co Thach ke negara ini bagi memupuk perhubungan antara satu sama lain.

"Meskipun kita masih belum nampak bahaya di penghujung lerowong, kami mengalu-alukan jawatan Menteri Luar Vietnam itu", katanya.

Sokongan

Datuk Seri Dr. Mahathir juga mengalu-alukan dialog berturan antara Malaysia dan Vietnam dan Asean keseluruhannya.

Menteri Luar Negeri, Tan Sri Ghazali Shafie turut hadir dalam perbincangan tersebut.

Dalam pusingan pertama rundingan Tan Sri Ghazali dengan rakan sejawatnya itu, kedua-dua pemimpin tidak bersependapat mengenai pendekatan terhadap masalah Kampuchea.

Mereka akan bermesyuarat lagi esok.

Memberitahu para pemberita, Tan Sri Zakaria juga menyatakan kedua-dua mereka menekankan kedudukan masing-masing mengenai isu Kampuchea dalam rundingan sejam itu.

No. Siri 29/12
No. Penerimaan 659/82
659